



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2026

PERNIAGAAN

3766/1

Kertas 1

1 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
5. **Kertas jawapan objektif** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

- 1 Antara yang berikut, perkara manakah yang berkaitan dengan maksud perniagaan?
- I Memberi sumbangan sosial kepada masyarakat
 - II Melibatkan urus niaga jual beli barang dan perkhidmatan
 - III Aktiviti urus niaga mendapat keuntungan untuk peniaga
 - IV Menghasilkan pelbagai barang dan perkhidmatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 2 Pernyataan manakah yang menerangkan persamaan antara perniagaan bersaiz kecil dengan perniagaan bersaiz sederhana?
- A Pengkhususan kerja mudah dilakukan
 - B Perubahan dalam strategi perniagaan mudah dilaksanakan
 - C Pekerja mudah memperoleh pengalaman
 - D Perniagaan menikmati ekonomi bidangan

- 3 Maklumat berikut menunjukkan perubahan jenis pemilikan perniagaan.



Mengapakah perubahan tersebut berlaku?


- A Menggalakkan pengumpulan modal lebih besar
 - B Membolehkan ahli menanggung liabiliti terhad
 - C Memudahkan pertukaran ahli lembaga pengarah syarikat
 - D Membenarkan kawalan ahli ke atas perjalanan syarikat
- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri suatu bentuk pemilikan perniagaan.

- Aktiviti tidak berunsur politik
- Melaksanakan kegiatan ekonomi untuk keperluan ahli
- Setiap anggota mempunyai hak mengundi dalam mesyuarat agung

Apakah bentuk pemilikan tersebut?

- A Milikan tunggal
- B Perkongsian
- C Syarikat Sendirian Berhad
- D Koperasi

5 Rajah 1 berkaitan dengan sektor perniagaan.



Rajah 1

Apakah bidang pekerjaan yang terlibat dalam sektor **M**?

- A Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd
 - B Klinik Dr. Lim
 - C Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON)
 - D Syarikat Perladangan Sime Darby
- 6 Apakah peranan francais?
- A Membuat pembayaran dalam bentuk fi
 - B Menyediakan latihan dan kursus
 - C Menyediakan peralatan dan sumber kewangan
 - D Menjalankan aktiviti promosi bersepadu
- 7 Maklumat berikut berkaitan suatu peranan agensi kerajaan dalam ekonomi.

Mengawal penawaran wang dalam ekonomi bagi mengatasi masalah kemelesetan ekonomi atau inflasi.

Apakah agensi kerajaan tersebut?

- A Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
 - B Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
 - C Bank Negara Malaysia (BNM)
 - D Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- 8 Bagaimanakah kerajaan membantu peniaga memajukan perniagaan mereka?
- I Memupuk kesedaran perlindungan pengguna dalam kalangan peniaga
 - II Menyedarkan peniaga tentang tanggungjawab terhadap masyarakat
 - III Mengadakan latihan dan kursus dalam pengurusan perniagaan
 - IV Mempromosikan keluaran tempatan di pasaran antarabangsa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

9 Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran.

Perubahan dalam industri secara keseluruhan menyebabkan kemahiran pekerja tidak lagi diperlukan.

Apakah jenis pengangguran tersebut?

- A Kitaran
- B Struktur
- C Bermusim
- D Teknologi

10 Faktor persekitaran yang manakah membawa kepada perubahan perniagaan?

	Faktor Dalaman	Faktor Luaran
A	Sumber Manusia	Ekologi
B	Sosiobudaya	Politik
C	Teknologi	Kewangan
D	Pemasaran	Teknologi Maklumat

11 Perniagaan Rina Cookies membuat penetapan objektif menjurus kepada peluang yang tidak mustahil untuk dicapai. Apakah ciri objektif tersebut?

- A Spesifik (Specific)
- B Munasabah (Realistic)
- C Boleh dicapai (Attainable)
- D Boleh diukur (Measurable)

12 Apakah maksud Titik Pulang Modal (TPM)?

- A Kaedah yang digunakan untuk menentukan jumlah penggunaan kos tetap dan kos berubah sesuatu pengeluaran.
- B Kaedah yang digunakan untuk menentukan penggunaan bahan mentah untuk satu tempoh pengeluaran.
- C Kaedah yang digunakan untuk merancang dan mengetahui hasil yang diperolehi bersamaan dengan jumlah kos yang terlibat.
- D Kaedah yang digunakan untuk menentukan keuntungan yang diperolehi perniagaan.

13 Maklumat yang berikut diperolehi daripada kilang membuat kasut.


	RM
Kos Tetap	100 000
Kos Berubah Seunit	75
Harga Seunit	120

Berapakah titik pulang modal bagi pengeluaran kasut tersebut?

- A 614 unit
- B 918 unit
- C 1485 unit
- D 2222 unit

- 14 Pernyataan manakah yang menerangkan peranan bahagian fungsian sumber manusia?
- I Menyediakan kemudahan pengangkutan kepada pekerja
 - II Membentuk sistem tindakan yang berkaitan dengan disiplin pekerja
 - III Mengurus, menyimpan dan menerima rekod semua dokumen perniagaan
 - IV Memastikan organisasi perniagaan mempunyai bahan mentah yang mencukupi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 15 Bagaimanakah pengurus bahagian fungsian pengeluaran bertanggungjawab kepada kawalan semasa?
- A Memastikan penggunaan bahan mentah yang berkualiti dan mencukupi
B Melaksanakan kawalan pengeluaran, kawalan utiliti mesin dan kawalan staf
C Memeriksa kualiti produk supaya berada pada standard yang betul
D Memastikan semua input berada dalam keadaan baik

- 16 Rajah 2 adalah sejenis saluran agihan.



Rajah 2

Apakah jenis barang yang sesuai diagihkan melalui saluran ini?

- A Barang kosmetik, tayar, alat elektrik dan pakaian
B Barang yang tidak tahan lama
C Barang keperluan harian seperti gula, beras dan barang dapur
D Barang yang berjenama, buku dan majalah
- 17 Pernyataan manakah menjelaskan tentang pasaran baharu?
- A Mencari pasaran baharu untuk memasarkan produk yang sedia ada
B Memasarkan produk yang baharu dikeluarkan di pasaran sedia ada
C Menambah kuantiti produk untuk menampung pertambahan pengguna
D Memperkenalkan produk baharu kepada pasaran baharu
- 18 Apakah kepentingan Indeks Pencapaian Utama (KPI) kepada pekerja?
- A Menjadi rekod prestasi
B Menjadi piawaian kepada hasil kerja
C Menjadi panduan utama melaksanakan pencapaian kerja
D Menjadi petunjuk kepada prestasi pencapaian kerja pekerja
- 19 Antara yang berikut, yang manakah bentuk hukuman yang boleh dikenakan kepada pekerja yang berprestasi rendah dan bermasalah?
- I Potongan gaji
 - II Latihan peningkatan sendiri
 - III Ditukarkan ke cawangan lain
 - IV Diberi amaran lisan dan bertulis
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

20 Antara yang berikut, organisasi luar yang manakah mempunyai hubungan dan interaksi dengan sesebuah organisasi?

- I Pembekal
 - II Kerajaan
 - III Profesor
 - IV Perunding takaful
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

21 Maklumat berikut berkaitan dengan konsep pengurusan yang diamalkan oleh Syarikat Puncak Jaya Sendirian Berhad.

- *Zero Defect*
- *Total Quality Management*
- Kaizen

Apakah peranan yang dimainkan oleh pengurusan sumber manusia organisasi tersebut?

- A Pemberhentian pekerja
- B Pemantapan budaya profesional
- C Pemberian insentif yang munasabah
- D Prestasi pasaran

22 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan produk siap?

- A Bekalan yang digunakan dalam operasi sesebuah perniagaan
- B Bekalan yang digunakan untuk menghasilkan barang lain
- C Barang siap yang sedia dipasarkan
- D Barang akhir setelah siap diproses untuk dijual

23 Maklumat berikut berkaitan dengan prosedur mengurus sumber dalam operasi perniagaan.

Hak eksklusif untuk reka cipta bagi menghasilkan barang baharu.

Apakah perlindungan yang layak diterima oleh reka bentuk tersebut?

- A Cap dagangan
- B Lesen perisian
- C Paten
- D Hak cipta terpelihara

- 24 Maklumat di bawah berkaitan hubung kait antara kemahiran kebolehkerjaan dengan kejayaan sebuah perniagaan.

IKLAN JAWATAN KOSONG KILANG PLASTIK JENTAYU

Pemohon terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun, berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan bertaraf tetap/kontrak di Kilang Plastik Jentayu seperti yang berikut:

NAMA JAWATAN/GRED	KELAYAKAN
Juruteknik ICT	Diploma
Juruteknik Awam	Diploma
Juruteknik Operasi (Sumber Manusia & Kewangan)	Diploma
Pembantu Operasi (Teknikal)	SPM

Apakah jenis kemahiran kebolehkerjaan yang diperlukan oleh pekerja bagi jawatan kosong tersebut?

- A Kelayakan yang sesuai
 B Keberkesanan mencapai sasaran
 C Berpengetahuan tentang produk
 D Berpengalaman
- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pembiayaan luaran yang digunakan oleh Encik Talib dalam perniagaannya.

- Menyewa aset dengan tujuan membeli aset tersebut
- Usahawan perlu membayar sewa kepada bank
- Hak milik barang selepas semua ansuran dijelaskan

Apakah jenis pembiayaan luaran tersebut?

- A Ar-Rahnu
 B Sewa beli
 C Pajakan
 D Pemfaktoran
- 26 Apakah struktur organisasi yang digunakan secara meluas oleh kebanyakan organisasi?
- A Struktur organisasi berdasarkan produk
 B Struktur organisasi berdasarkan geografi
 C Struktur organisasi berdasarkan fungsi
 D Struktur organisasi berdasarkan pelanggan

27 Logo 1 di bawah berkaitan satu badan kerajaan.




Logo 1

Sumber: <https://central.mymagic.my/en/resource/by/263>

Apakah fungsi badan kerajaan tersebut?

- A Membangunkan infrastruktur asas perniagaan
- B Memasarkan produk bagi pihak usahawan PKS
- C Memberi latihan kemahiran kepada peniaga
- D Membantu usahawan PKS untuk berdaya maju

28 Rajah 3 di bawah menunjukkan rekod kewangan dalam penyata kewangan.



Rajah 3

Apakah Q?

- A Akaun Perdagangan dan Untung Rugi
- B Penyata Penyesuaian Bank
- C Akaun Penerimaan dan Pembayaran
- D Penyata Penerimaan Tunai

29 Mengapakah promosi penting dalam proses pemasaran barang kepada pengguna?

- A Menentukan harga yang berpatutan
- B Menjamin keuntungan yang tinggi
- C Menghadapi persaingan perniagaan
- D Menghasilkan produk yang berkualiti

30 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Syarikat Gadget Win Holding Sdn. Bhd..

Butiran	RM
Untung kasar	56 500
Untung bersih	33 600
Jualan	108 800
Modal awal	101 000

Berapakah peratusan pulangan atas modal bagi perniagaan tersebut?

- A 56.50%
- B 52.48%
- C 33.27%
- D 31.24%

31 Berikut ialah maklumat nisbah semasa bagi Suria Enterprise untuk tahun 2023 dan tahun 2024.

Tahun	Nisbah Semasa
2023	3.2%
2024	4.3%

Tafsirkan prestasi perniagaan bagi tahun 2023 berbanding dengan tahun 2024.

- A Risiko perniagaan telah meningkat dan pelaburan kurang memberi pulangan.
 - B Prestasi perniagaan telah merosot dan hanya mampu membayar hutang untuk tempoh masa yang panjang.
 - C Prestasi perniagaan merosot dan tidak mampu membayar hutang.
 - D Kemampuan perniagaan membayar hutang dalam tempoh singkat telah meningkat.
- 32 Antara yang berikut, yang manakah ciri-ciri keperibadian seorang usahawan?
- I Berani menghadapi isu
 - II Pandai berkomunikasi
 - III Komitmen yang tinggi
 - IV Semangat berpasukan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 33 Pemilihan lokasi perniagaan yang baik bagi Perniagaan Dobi Aisar sangat penting kerana lokasi yang baik dapat meningkatkan jualan perniagaan.
Apakah ciri-ciri lokasi yang baik yang perlu dipertimbangkan oleh Encik Aisar?
- I Tempat yang mempunyai kunjungan ramai
 - II Lokasi berjauhan dengan pesaing
 - III Kos mendapatkan tapak perniagaan rendah
 - IV Berhampiran dengan pelanggan dan pembekal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 34 Apakah faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan?
- A Persaingan
 - B Matlamat peribadi peniaga
 - C Lokasi yang sesuai
 - D Keupayaan membina jenama
- 35 Apakah jenis perniagaan yang tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?
- A Kedai Gunting Rambut Mat dan John
 - B Nasi Bakar Corner Bhd.
 - C Sutera Cantique Sdn. Bhd.
 - D Suruhanjaya Koperasi Malaysia

- 36 Penamatan perniagaan Puan Laila boleh didaftarkan atas sebab-sebab di bawah KECUALI
- A bankrap.
 - B kematian.
 - C perintah mahkamah.
 - D perubahan jenis perniagaan.
- 37 Antara yang berikut, manakah dokumen yang perlu disimpan dalam rekod kos operasi?
- I Bil resit
 - II Bil utiliti
 - III Bil pengangkutan
 - IV Penyata bank
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 38 Apakah definisi rancangan perniagaan?
- A Dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan yang akan dijalankan.
 - B Dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan yang hendak dijalankan secara menyeluruh dan terperinci.
 - C Dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan yang sedang dijalankan.
 - D Dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan yang telah dijalankan.
- 39 Rajah 4 menunjukkan sebahagian daripada butiran yang ada dalam Rancangan Perniagaan Kedai Kasut Rahwa.

Ringkasan Eksekutif → Pengenalan → W → Latar Belakang Pemilik

Rajah 4

Apakah W?

- A Lampiran
 - B Rancangan Pentadbiran
 - C Latar Belakang Perniagaan
 - D Rancangan Pemasaran
- 40 Antara yang berikut, pihak yang manakah berkepentingan terhadap rancangan perniagaan?
- I Pemiutang
 - II Pihak bank
 - III Pelabur
 - IV Pesaing
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



NO. PENGENALAN DIRI

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2026

PERNIAGAAN

3766/2

Kertas 2

2 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor pengenalan diri dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
5. **Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.**

**B. CALON BERKEPERLUAN
PENDIDIKAN KHAS**

- A MASALAH PEMBELAJARAN
- B KURANG UPAYA PENGLIHATAN (BUTA)
- C KURANG UPAYA PELBAGAI
- D KURANG UPAYA PERTUTURAN
- F KURANG UPAYA FIZIKAL
- P KURANG UPAYA PENDENGARAN
- R KURANG UPAYA PENGLIHATAN (RABUN)

UNTUK DIISI OLEH
KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN

**C. BAGI CALON KES KHAS
HITAMKAN RUANG BERKENAAN**

- MENUMPANG TERCICIR
- BANTAHAN HADIR TIDAK MENJAWAB

NO. PUSAT MENUMPANG

**D. CALON YANG MEMERLUKAN KEMUDAHAN
ATAU PERALATAN TAMBAHAN**

- JURUTULIS PEMBACA SOALAN DAN JURUTULIS
- GURU PENDAMPING KOMPUTER

**E. BAGI CALON TIDAK HADIR
HITAMKAN DAN ISIKAN RUANG INI**

- TIDAK HADIR

NAMA KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN

TANDATANGAN

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

1 (a) Huraikan tujuan perniagaan.

.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan pemilikan perniagaan.

Rizal telah menjadi anggota Koperasi SMK Bidor Berhad sejak Tingkatan 1.

(i) Jelaskan hak Rizal sebagai anggota milikan perniagaan tersebut.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(ii) Mengapakah beliau berminat menjadi anggota dalam perniagaan di 1(b)(i)?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

2 (a) Jelaskan jenis-jenis pelepasan cukai yang berikut:

(i) Taraf Perintis

.....
.....


[2 markah]

(ii) Elaun Cukai Pelaburan

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Rajah 1 berikut berkaitan dengan syer pasaran perniagaan beg tangan wanita.



Rajah 1

(i) Jumlah jualan bagi pasaran beg tangan tersebut sebanyak RM650 000. Hitungkan syer pasaran bagi perniagaan Lovely beg.

.....

.....

[2 markah]

(ii) Mengapakah perniagaan Lovely Beg perlu menguasai pasaran?

.....

.....

.....

[4 markah]

3 (a) Jelaskan faktor yang mempengaruhi perubahan visi dan misi dari aspek berikut:

(i) Sumber manusia

.....

.....

[2 markah]


(ii) Teknologi

.....



.....

[2 markah]

(b) Gambar 1 dan 2 berkaitan dengan perubahan produk yang dihasilkan oleh satu bahagian fungsian.



Gambar 1



Gambar 2

(i) Apakah bahagian fungsian tersebut?

.....

[1 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

(ii) Jelaskan peranan bahagian fungsian di 3(b)(i).

.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

4 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem penggajian.

Gaji bukan Penentu Utama Kesetiaan Pekerja terhadap Syarikat!

Selangor: Banyak sektor perniagaan terjejas kerana berlaku pusing ganti pekerja setiap tahun. Kebanyakan syarikat tidak mampu mencapai objektif dan matlamat yang disasarkan apabila perlu mengambil pekerja baharu bagi menggantikan pekerja lama. Oleh itu, pelbagai insentif perlu diberikan untuk menjaga kebajikan pekerja supaya pekerja kekal dalam syarikat.

Sumber ubah suai: *Utusan Malaysia, Khamis 20 Disember 2024*

(a) Terangkan insentif tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

(b) Gambar 3 menunjukkan sebuah agensi kerajaan.




Gambar 3

Jelaskan peranan agensi tersebut.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

5 (a) Gambar 4 menunjukkan sejenis sumber fizikal.



Gambar 4: Pencuci Pinggan Mangkuk

(i) Apakah jenis sumber tersebut?

.....

[1 markah]

(ii) Jelaskan prosedur mengurus sumber di 5(a)(i).

.....

.....

.....

[4 markah]

(b) Jelaskan kepentingan latihan kepada usahawan.

.....

.....

.....

[5 markah]

<p>6 (a) Puan Kamari : Puan, berikan saya tujuh minit untuk menerangkan keistimewaan produk penjagaan kulit kami. Puan Alisa : Wah, bagusnya produk ini.</p>

(i) Apakah kaedah promosi tersebut?

.....

[1 markah]

(ii) Jelaskan kelebihan kaedah promosi tersebut kepada Puan Kamari.

.....

.....

.....

[5 markah]

(b) Jelaskan tanggungjawab peniaga setelah mendapat Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Borang D).

.....

.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah


SULIT

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 7 Gambar 5 di bawah berkaitan satu milikan perniagaan.



Gambar 5

- (a) Huraikan ciri-ciri milikan perniagaan di atas. [7 markah]
- (b) Terangkan kemahiran keboleherjaan yang perlu dimiliki oleh pekerja. [8 markah]

- 8 Maklumat di bawah berkaitan dengan Kak Wan Enterprise.

Kak Wan Enterprise merupakan sebuah perniagaan yang menjual penapis air alkali jenama tempatan iaitu "One Alkaline". Setelah 6 tahun beroperasi, perniagaan memiliki 28 orang pekerja tetap yang terdiri daripada jurujual, kerani pentadbiran, pengurus jualan, pemandu van dan juruteknik pemasangan manakala purata jualan tahunan ialah RM550 000 setahun. Bagi meningkatkan jualan penapis air, Puan Wan lebih berminat menggunakan kaedah promosi secara jualan langsung berbanding pengiklanan kerana bagi beliau lebih mudah untuk menunjukkan demonstrasi penggunaan secara dua hala. Rata-rata pelanggan juga lebih memilih untuk membuat bayaran secara ansuran bulanan kerana semua pelanggan akan diberikan perkhidmatan penyelenggaraan percuma sepanjang tempoh perjanjian.

- (a) Terangkan klasifikasi perniagaan Kak Wan Enterprise berdasarkan saiz dan sektor. [6 markah]
- (b) Mengapakah Puan Wan lebih berminat menggunakan kaedah promosi secara jualan langsung? Kemukakan alasan anda. [5 markah]
- (c) Cadangkan satu kaedah aplikasi teknologi maklumat yang dapat membantu pelanggan membuat bayaran ansuran bulanan. Jelaskan kelebihanannya. [4 markah]

9 Pernyataan berikut berkaitan dengan perniagaan Syarikat Joey.

Syarikat Joey merancang untuk mengeluarkan produk Sambal Bilis Joey secara besar-besaran. Puan Sha, pengurus pemasaran diminta untuk merancang campuran pemasaran bagi produk tersebut. Dalam masa yang sama, Syarikat Joey menghadapi masalah kekurangan modal. Untuk mengatasi masalah tersebut, Syarikat Joey menyediakan Rancangan Perniagaan untuk memohon pinjaman daripada pihak bank.

- (a) Nyatakan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan tersebut. [4 markah]
- (b) Jelaskan elemen rancangan pentadbiran yang dihasilkan dalam rancangan perniagaan Syarikat Joey. [3 markah]
- (c) Terangkan campuran pemasaran bagi produk Sambal Bilis Joey. [8 markah]


Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

- 10 Puan Suhana merupakan pemilik perniagaan Suhana Donut Enterprise yang menjual pelbagai jenis donat. Perniagaan ini mula beroperasi pada Januari 2020 dengan modal simpanan sendiri RM220 000. Perniagaan ini telah memiliki tiga cawangan yang terletak di Ampang, Selayang dan Rawang. Adiknya, Puan Melly telah dilantik sebagai pengurus operasi kawasan yang bertanggungjawab mengendalikan operasi ketiga-tiga cawangan tersebut.

Maklumat berikut berkaitan jumlah jualan bagi ketiga-tiga cawangan sepanjang lima tahun beroperasi:



Pada masa yang sama, perniagaannya juga berhadapan masalah apabila tiga orang pekerja di cawangan Ampang berhenti kerja serentak. Keadaan ini menyukarkan pihak pengurusan cawangan untuk meneruskan operasi perniagaan. Pekerja sedia ada diminta bekerja lebih masa bagi menampung kekurangan tenaga kerja. Setelah melihat kepada penyata kewangan bagi ketiga-tiga cawangan, Puan Melly mendapati jualan tahunan kurang memberangsangkan dan tidak menunjukkan peningkatan keuntungan yang ketara. Hasil daripada pemerhatian, Puan Melly mendapati semua cawangan berada di lokasi yang strategik, namun tumpuan perlu diberikan kepada khidmat penghantaran donat.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan yang berikut:

- (a) Terangkan skala perniagaan yang terlibat. [3 markah]
- (b) Jelaskan kelebihan Puan Suhana sebagai usahawan kepada diri dan keluarga. [4 markah]
- (c) (i) Apakah trend perniagaan yang terlibat? [1 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, jelaskan tindakan yang boleh diambil oleh Puan Suhana bagi mengatasi trend jualan tersebut. [4 markah]
- (d) Bagaimanakah masalah kekurangan pekerja tersebut dapat diatasi? [4 markah]
- (e) Anda telah bersetuju dengan pendapat Puan Melly. Kemukakan alasan. [4 markah]